

Singapura

Pilih pengagihan harta pusaka ikut cara syariah lain bagi berlaku adil

MESKIPUN beliau boleh mengagihkan harta peninggalannya secara faraid, Haji Rashid (bukan nama sebenar) memilih pengagihan secara syariah yang lain untuk berlaku adil kepada 12 anak dan seorang cucunya.

Selain menghibahkan hasil penjualan flat empat biliknya di Jurong West, beliau juga membuat wasiat, ikrar dan amanah untuk memastikan sebahagiannya digunakan bagi bekalan akhirat seperti wakaf dan badal hajinya dan isterinya ditunaikan.

Haji Rashid juga menetapkan \$40,000 daripada hasil penjualan flatnya kelak dibahagikan sama rata kepada tiga anak perempuannya sebagai upah kerana mereka rajin menjaganya dan isterinya.

Ketiga-tiga anaknya itulah yang mengambil berat menjaga Haji Rashid yang berkerusi roda dan isterinya yang uzur.

Kesemua rancangan pengagihan hartanya itu dibuat pada 2005 sejurus isterinya meninggal dunia menerusi khidmat yang disediakan Encik Sadali Rasban, 51 tahun, pemilik firma konsultan pembahagian harta pusaka, HTHT Advisory Services Pte Ltd.

Haji Rashid berbuat demikian bagi mengelakkan masalah pengagihan harta pusakanya apabila beliau meninggal dunia kelak.

Flat tersebut adalah atas namanya dan kesemua anaknya telah berumah tangga dan mempunyai rumah sendiri.

Apa yang Haji Rashid rancang terbukti tidak sia-sia apabila beliau meninggal dunia akibat sakit tua pada 2008.

Seperti yang diwasiatkannya, anak perempuannya yang sulung bertindak selaku pemegang dan pelaksana amanahnya telah menjual flatnya itu hinggalah mengagihkan hasil penjualannya.

Anak perempuannya mendapatkan khidmat Encik Sadali untuk melaksanakan pembahagian harta peninggalan ayahnya itu.

'Dengan menggunakan wasiat arwah ayahnya, anak perempuannya itu menjual flat tersebut di pasaran terbuka dengan harga \$340,000.

'Kesemua 12 anak arwah dan seorang cucu - anak salah seorang anak perempuannya yang telah meninggal dunia - masing-masing mendapat sekitar \$19,000 seorang.

'Tiga anak perempuannya juga mendapat tambahan lebih \$13,000 seorang sebagai upah yang arwah tetapkan kerana menjaganya dan isterinya semasa mereka hidup.

'Selebihnya digunakan untuk badal haji kedua-dua arwah orang tuanya dan pewakafan di luar negara,' jelas Encik Sadali.

Menurut Encik Sadali lagi, tanpa perancangan, harta peninggalan Haji Rashid perlu dibahagikan secara faraid.

Ini bermakna tiga anak perempuannya yang mengambil berat terhadap sakit peningnya dan isterinya hanya mendapat sebahagian kecil daripada harta itu.

Cucunya pula tidak akan mendapat apa-apa bahagian.

'Inilah baiknya kita merancang pembahagian harta peninggalan kerana anak-anak tidak boleh bergaduh atau mempertikai pembahagian harta pusaka.

'Kita juga dapat ketepikan wang yang ditinggalkan untuk amal sebagai bekalan!' tambah Encik Sadali.

Copyright © 2010 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
Privacy Statement Conditions of Access Advertise @ AsiaOne